

Siasat kemungkinan

BH - 5 JUN 2000

GEORGETOWN, Ahad - Kerajaan hari ini mengarahkan polis supaya menyiasat sama ada pembunuhan pemimpin pemisah Aceh, Teuku Don Zulfahri, Khamis lalu, adalah angkara pembunuh upahan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau bimbang jika pembunuh upahan digunakan dalam kejadian itu kerana tindakan sedemikian tidak dapat diterima dalam politik negara ini.

Sehubungan itu, katanya, siasat

perlu dijalankan bagi mengenal pasti pembunuh berkenaan dan menentukan sama ada ia dilakukan penbunuhan upahan.

"Saya kluatir kalau-kalau penggunaan pembunuh upahan ini dibuat di Malaysia kerana ia bukanlah sesuatu yang kita dapat terima.

"Dalam bidang politik, kita tak mahu orang yang diupah untuk membunuh musuh-musuh politik. Ini bukan budaya kita," ka-

tanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan peribadi ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang.

Teuku Don, juga dikenali sebagai Habib Adam, 40, Setiausaha Agung Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang diasaskan kira-kira 25 tahun lalu, ditembak mati pada jam 2 petang di Restoran Al-Hayath, Pandan Perdana, Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Beliau yang menetap di Ma-

pembunuh upahan: PM

laysia sejak 1981, cedera di belakang kepala dan tangan, mati di tempat kejadian.

Laporan sebelum ini menyebutkan pembunuhan itu mungkin dilakukan oleh GAM sendiri kerana menganggap Majlis Pemerintahan GAM, kumpulan serpihan GAM yang turut dipimpin oleh Teuku Don, mengambil pendekatan sederhana dan vro-Jakarta.

Bagaimanapun, pimpinan GAM di Aceh menolak andaian

itu sebaliknya menuduh Tentera Nasional Indonesia (TNI) terabit bagi mengelirukan perjuangan rakyat Aceh.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pihaknya memandang kes itu sebagai serius kerana pembunuhan berlaku di negara ini.

"Polis akan menyiasat kes ini. Saya tak mahu tanya macam

mana polis nak jalankan (siasatan). Kes ini adalah kes serius. pembunuhan telah berlaku di negeri kita, takkan kita nak biar begitu saja.

"Kita serahkan kepada polis. Apa juga siasatan yang polis lakukan, ayabila berlaku peristiwa seperti itu, pembunuhan dan sebagainya, adalah dijalankan dengan rapi, bila-bila pun, tak kisah siapa yang menjadi mangsa pembunuhan itu," katanya di sini, hari ini.